

## Solat Jumaat terhalang akibat PKPB?

Oleh: Nurul Nabihah Mohd Nasir

PASIR MAS: Susulan peningkatan kes COVID-19 di Kelantan, telah menyebabkan pihak kerajaan memutuskan pelaksanaan PKPB selama 2 minggu bermula pada 24 November yang lalu sekaligus menyebabkan penutupan sekolah dan rumah ibadah.

Pihak pengurusan dan pentadbiran Masjid Sultan Muhammad III telah menetapkan beberapa teknikal kehadiran jemaah solat jumaat yang ingin menghadirkan diri ke masjid supaya keselamatan orang ramai tetap terjaga walaupun dalam keadaan sukar untuk melawan virus pembunuh ini.

Berikutan dengan adanya teknikal kehadiran untuk para jemaah, begitu juga staff yang bertugas turut dihadkan termasuk imam, bilal, siak dan AJK masjid 5 orang yang akan dipilih dan ditentukan secara berperingkat dan giliran. Manakala selebihnya adalah untuk jemaah seramai 40 orang daripada kalangan anak mukim Bandar Pasir Mas sahaja.

**S.O.P** Kehadiran Solat Jumaat dan Solat Fardhu 5 Waktu  
DI MASJID SULTAN MUHAMMAD III, BANDAR PASIR MAS

SELARAS DENGAN GARIS PANDUAN YANG DITETAPKAN OLEH PIHAK MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT  
ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- Hanya pegawai dan kakitangan yang bertugas iaitu **tidak melebihi 12 orang pada satu-satu waktu** yang terdiri daripada Imam, Bilal, Siak dan kakitangan masjid serta AJK mengikut keperluan dan giliran yang akan ditentukan oleh pihak pengurusan masjid.
- Mereka yang mempunyai bacaan **suhu melebihi 37.4°C adalah tidak dibenarkan hadir.**
- Mereka **yang bergejala seperti batuk, demam, selesema, sakit tekak dan juga yang berumur 70 tahun ke atas adalah tidak dibenarkan hadir.** Wajib mematuhi segala ketetapan berikut:

BERWUDHUK DARI RUMAH    BAWA SEJADAH    PAKAI PELITUP MUKA    JAGA PENJARAKAN    TIDAK BERSENTULAH & BERSALAMAN    DILARANG BERKUMPUL BERBORAK / BERBUAL    SEGERA BEREDAR SETELAH SELESAI SOLAT

DIDOAKAN AGAR KITA SEMUA SABAR DAN TABAH DALAM MENGHADAPI UJIAN ALLAH INI. TINGKATKAN KETAQWAAN KEPADA ALLAH. PATUHIHILAH SEGALA KETETAPAN, S.O.P DAN GARIS PANDUAN YANG TELAH DITETAPKAN. SEMOGA DENGAN BERKAT KERJASAMA SEMUA AKAN DIANGKAT SEGERA MUSIBAH INI. AAMEEN.

Gambar hiasan

“Kehadiran para jemaah solat jumaat hanya kepada mereka yang mendapat jemputan daripada pihak MSM3 melalui panggilan telefon dan juga surat jemputan dan bagi mereka yang tidak menerima sebarang jemputan, kehadiran mereka ke masjid adalah tidak dibenarkan sama sekali” kata salah seorang daripada ahli pengurusan masjid tersebut.

Pihak masjid menasihatkan supaya para jemaah yang telah membuat permohonan untuk mengerjakan solat jumaat supaya bersabar menunggu giliran untuk minggu-minggu yang berikutnya.




Suasana perkarangan Masjid Sultan Muhammad III

Sementara itu, hanya satu pintu pagar yang akan digunakan sepanjang tempoh arahan PKPB ini iaitu Pintu Pagar Utama berdekatan pondok pengawal keselamatan serta pintu pagar akan dibuka 20 minit sebelum masuknya waktu solat dan akan ditutup setelah mencukupi bilangan 50 orang jemaah yang mendapat jemputan.

Selain itu, pihak masjid juga tidak membenarkan kenderaan memasuki perkarangan masjid kecuali motosikal bagi mengelakkan para jemaah bersesak-sesak dan berkumpul di dalam kawasan masjid selepas selesai solat jemaah.

Kata AJK masjid bahawa, “para jemaah yang hadir wajib mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan”, seperti memeriksa suhu badan sebelum masuk ke masjid, wajib mendaftarkan kehadiran, memakai pelitup muka, membawa sejadah sendiri, mengambil mudhuk dari rumah dan ketetapan lainnya.



## Bomba membuat kerja mensanitasi masjid

Justeru itu, ahli jemaah yang berumur 70 tahun ke atas serta 12 tahun dan ke bawah tidak dibenarkan hadir begitu juga kepada ahli jemaah yang mempunyai gejala seperti batuk, selesema, sesak nafas dan berpenyakit kronik.

Ahli masjid memohon kerjasama semua pihak untuk mematuhi ketetapan S.O.P dan garis panduan yang telah ditetapkan ini supaya dengan berkat kerjasama semua akan melancarkan perjalanan gerak kerja semua dan keselamatan sejagat dapat terjaga dengan rapi. “Saya berharap dan berdoa kepada Allah semoga penyakit Covid-19 ini segera berakhir”, ucap Imam Muda masjid.